



KENYATAAN MEDIA

UiTM MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) DENGAN PERSATUAN SEPAKTAKRAW MALAYSIA, MUEZZA EDUCATION GROUP DAN MYDRONE BAGI MELESTARIKAN DAN MEMPERKUKUHKAN INDUSTRI SUKAN

SHAH ALAM, 17 Januari 2023 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) melalui Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) menjalinkan hubungan strategik bersama Persatuan SepakTakraw Malaysia (PSM), Muezza Education Group Sdn. Bhd dan Persatuan Pengusaha & Penggerak Industri Drone (MyDrone) dengan tujuan mengeratkan kerjasama institusi akademik antara kedua-dua pihak. Majlis menandatangani MoU tersebut diadakan di Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin, UiTM Shah Alam.

UiTM diwakili oleh Naib Canselor, Profesor Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, PSM diwakili oleh YBhg. Dato' Mohd Sumali Reduan selaku Presiden PSM, Muezza Education Group Sdn. Bhd diwakili oleh Ketua Pengawai Eksekutif, Tuan Anas Izuan Azmi, dan MyDrone diwakili oleh Timbalan Presiden, Dr. Roslan Basaruddin. Turut menghadiri majlis tersebut, Dekan FSR Prof. Dr. Mohad Anizu Mohd Nor, Setiausaha Agung PSM, YBhg. Datuk Haji Abidullah Haji Salleh, Penasihat dan Pemegang Saham Muezza Education Group Sdn. Bhd., Tuan Abdul Halim Ali Umar, dan Setiausaha Kehormat MyDrone, Encik Muhammad Fareez Abu Suaib Khan.

Menurut Profesor Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, inisiatif ini merupakan satu agenda yang penting dan selaras dengan misi dan visi UiTM. "UiTM yakin bahawa melalui kerjasama seperti ini, proses pemindahan ilmu dan penerapan nilai-nilai murni akan berterusan demi melahirkan modal insan yang berjaya, holistik dan berdaya saing ke arah kemajuan diri, masyarakat dan negara. Kerjasama ini akan dapat membuka lebih banyak ruang dan peluang kepada pengembangan sukan tanah air dan pengukuhan atlet-atlet pelapis yang berdaya saing menerusi perancangan dan strategi yang lebih bersepadu antara kedua-dua belah pihak."

"Malah, MoU ini juga membuka peluang untuk UiTM menebarkan sayapnya menerusi pakar-pakar bidang memartabatkan lagi industri sukan tanah air, samada dalam bentuk penyelidikan, penukaran maklumat, dan keilmuan yang bersifat dinamik seiring dengan norma baharu dalam kehidupan masa kini. Ia juga memberikan peluang kepada UiTM untuk menyalurkan sumbangan secara langsung kepada kemajuan sukan negara dengan menyediakan peluang melanjutkan pelajaran kepada atlet dan juga menyediakan tenaga sukarelawan pelajar kepada pihak yang memerlukan," jelas beliau.

MoU antara UiTM dan Persatuan Sepak Takraw (PSM) akan memberikan tumpuan kepada beberapa perkara termasuk (i) penerimaan pelajar-pelajar diploma dan ijazah dari UiTM untuk suatu tempoh yang dipersetujui bersama untuk melaksanakan latihan praktikal, (ii)

perkhidmatan rundingan dan khidmat pakar oleh dari UiTM atau PSM, (iii) penerimaan staf dan pelajar-pelajar dari UiTM atau PSM untuk tempoh penyelidikan yang akan dipersetujui bersama, dan (iv) kerjasama di dalam apa-apa bidang lain seperti mana yang dipersetujui oleh pihak-pihak dari semasa ke semasa.

MoU antara UiTM dengan Muezza Education Group Sdn. Bhd akan memberikan tumpuan kepada beberapa perkara termasuk (i) menyumbang tenaga kerja terutama penglibatan pelajar Fakulti Sains Sukan & Rekreasi (FSR), UiTM untuk program dianjurkan MEG, (ii) kerjasama dua (2) hala dalam penyediaan peluang kerjaya untuk pelajar FSR UiTM di MEG, (iii) kerjasama dari sudut pembangunan modul memanah, renang dan berkuda, dan (iv) jemputan dekan fakulti ke program-program besar yang dianjurkan oleh MEG.

Manakala, MoU antara UiTM dengan MyDrone akan memberikan tumpuan kepada beberapa perkara termasuk (i) memberikan konsultasi & bertukar pendapat serta kepakaran dalam industri berkaitan drone sama ada dalam bentuk ilmu kesukanan, mahupun perniagaan, (ii) memberi pendedahan dan latihan “Hang-Out” kepada pelajar-pelajar sekiranya mereka memerlukan bantuan pembelajaran teknik menggunakan drone, (iii) mengadakan simposium, konferensi, kursus pendek dan mesyuarat berkenaan isu-isu-industri drone dan sukan drone, (iv) pertukaran maklumat berkenaan perkembangan industri drone sama ada dalam bentuk pendidikan mahupun komersial, dan (v) berkongsi kepakaran dan membuka ruang penggunaan fasiliti dalaman bagi bersama-sama merancang pembangunan atlet sukan drone negara.

Kerjasama yang disebutkan akan diutamakan dan dibangunkan secara strategik. UiTM mengalu-alukan penyertaan daripada pihak swasta dan profesional dalam perkongsian ini.

###

Mengenai UiTM

Universiti Teknologi MARA (UiTM) ialah universiti komprehensif terbesar di Malaysia yang menyediakan pendidikan inovatif dengan infrastruktur dan teknologi terkini yang merangkumi 34 kampus, 31 fakulti dan pusat akademik di seluruh negara.

UiTM menawarkan lebih daripada 500 program akademik di peringkat Asasi, Pradiploma, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan PhD, serta Program Profesional. UiTM sentiasa meluaskan akses pendidikan tinggi dan memainkan peranannya dalam pembinaan negara dengan menyerlahkan potensi, membentuk masa hadapan.

Antara pencapaian terhebat, UiTM menduduki tempat ke-105 dalam QS Asia University Rankings 2022, pada kedudukan 651-701 dalam QS World University Rankings 2022 dan pada kedudukan 101-200 dalam penarafan THE Impact Rankings 2021. Pada tahun 2021, subjek Hospitality and Leisure Management berada pada kedudukan 51-100 dunia dan 12 daripada subjek UiTM lainnya telah tersenarai dalam penarafan QS World University Rankings by Subject 2021. UiTM turut berada pada kedudukan ke-150 dalam penarafan UI GreenMetric (UIGM) Worlds University Rankings 2021. Pada tahun 2020, UiTM telah memenangi pingat emas dalam QS APPLE Creative Awards bagi kategori Iklan Kreatif Terbaik di peringkat antarabangsa.

Dengan lebih daripada 900,000 alumni dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan, UiTM menawarkan peluang dalam membentuk pemimpin di peringkat kebangsaan, industri dan global dalam mencapai aspirasi untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang tahun.

PERTANYAAN MEDIA

Pengarah Kanan

Jabatan Komunikasi

Universiti Teknologi MARA

Emel:

Tel:

Dr. Syahida Mohd Nazri

Pensyarah Kanan/korporat Koordinator

Fakulti of Sains Sukan dan Rekreasi

Universiti Teknologi MARA

Emel: syahidanazri@uitm.edu.my

Tel: +60193002100